

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah untuk meninjau perhubungan antara pencapaian pelajar dalam mata pelajaran fizik bagi Tingkatan Empat dengan beberapa pemboleh ubah terpilih iaitu jantina, taraf sosio ekonomi, pencapaian akademik iaitu Penilaian Menengah Rendah (PMR), pencapaian dalam mata pelajaran matematik, sains dan Bahasa Melayu pada peringkat PMR, dan sikap terhadap mata pelajaran fizik serta komponennya.

Soal-selidik digunakan untuk mengumpul data bagi latar belakang pelajar dan sikap pelajar terhadap fizik. Data bagi pencapaian pelajar dalam fizik didapati daripada Ujian Pencapaian Fizik (UPF) yang disediakan oleh penyelidik. Subjek kajian terdiri daripada 184 orang pelajar Tingkatan Empat daripada lima buah sekolah yang terpilih di sebuah daerah di Melaka.

Data yang dikumpul telah dianalisis secara deskriptif dan perhubungan antara pemboleh ubah dengan skor UPF telah dikenalpasti.

Daripada hasil analisis dapatan-dapatan kajian seperti berikut telah diperolehi:-

1. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara pencapaian pelajar dalam fizik yang diukur melalui Ujian Pencapaian Fizik (UPF) dengan jantina pelajar.
2. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara UPF dan taraf sosio ekonomi pelajar.
3. Terdapat perhubungan yang signifikan ($p \leq 0.01$) UPF dengan pencapaian akademik yang lalu iaitu pencapaian Penilaian Menengah Rendah (PMR).
4. Terdapat perhubungan yang signifikan ($p \leq 0.01$) antara UPF dengan pencapaian Bahasa Melayu, Matematik dan Sains pada peringkat PMR.
5. Terdapat perhubungan yang signifikan ($p \leq 0.01$) antara UPF dengan skor Sikap Terhadap Fizik(STF) dan komponennya iaitu Sikap Terhadap Mata Pelajaran · Fizik (STMF).
6. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara UPF dengan skor bagi komponen STF Iaitu Sikap Terhadap Guru Fizik (STGF) dan juga Sikap Terhadap Implikasi Sosial daripada Fizik (SISF).
7. Gabungan boleh ubah iaitu PMR, matematik,sains, STF dan STMF merupakan prediktor yang signifikan terhadap mata pelajaran fizik.

**THE RELATIONSHIPS BETWEEN SELECTED VARIABLES AND PHYSICS
ACHIEVEMENT OF FORM FOUR STUDENTS.**

ABSTRACT

The main purpose of this study was to investigate the relationships between student achievement in physics of form four students and selected variables, namely, gender, social economic status, academic achievement in PMR, achievements in the subjects of Bahasa Melayu, mathematics and science at PMR level and Attitude Towards Physics (STF).

A questionnaire was designed and used to collect data on the students' backgrounds and Attitude Toward Physics. The data on Physics achievement was obtained from the Physics Achievement Test (UPF) developed by the researcher.

The study involved 184 form four student from five selected schools in the district of Alor Gajah, Melaka. The collected data were analyzed using the descriptive method and the relationships between the variables and UPF scores were determined. From the analysis, the findings of this research can be summarized as follows:

1. There is no significant relationship between student achievement in physics that was measured by the Physics Achievement Test (UPF) and gender.

2. There is no significant relationship between UPF and social economic status of the students.
3. There is a significant relationship ($p \leq 0.01$) between UPF and their academic achievement in PMR.
4. There are significant relationships ($p \leq 0.01$) between UPF and their achievements in Bahasa Melayu, mathematics and science subject at PMR level.
5. There are significant relationships ($p \leq 0.01$) between UPF and Attitude Towards Physics score (STF) and its component, that is, Attitude Towards Physics Subject (STMF).
6. There is no significant relationships between score in STF component, that is, Attitude Towards Physics Teacher (STGF) and Attitude Towards Social Implications from Physics (SISF).
7. The linear combination of the variables PMR, Mathematic, Science, STF dan STMF are significantly predict students' achievement in physics.